

Mula hadir sejak 5 pagi saksi istiadat menerusi skrin besar

10,000 banjiri Dataran Bandaraya

■ JOHOR BAHRU 23 MAC

KIRA-KIRA 10,000 orang membanjiri Dataran Bandaraya di sini bagi menyaksikan Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang disiarkan secara langsung menerusi dua paparan skrin besar hari ini.

Orang ramai mula hadir ke dataran tersebut seawal pukul 5 pagi bagi menonton upacara tersebut yang disiarkan secara langsung menerusi saluran TV1 bermula pukul 7:30 pagi.

Malah, orang ramai turut bertur di sepanjang laluan Perarakan Kenderaan Diraja sejauh kira-kira lapan kilometer termasuk di dataran bagi menyaksikan peristiwa bersejarah itu.

Bagi warga emas, **Leong Heng Choi**, 72, dari Senai, Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor merupakan upacara yang cukup bermakna baginya memandangkan dia pernah menyaksikan upacara serupa pada tahun 1960.

"Ketika upacara bagi Almarhum Sultan Ismail dahulu saya berusia 17 tahun dan saya bersama-sama rakan sekolah pergi ke Jalan Trus di pusat bandar untuk menyaksikan perarakan itu.

"Sebab itulah saya tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan semula upacara bagi Sultan Ibrahim. Bagi saya kedua-dua peristiwa bersejarah itu adalah kenangan yang cukup indah dalam hidup saya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bagi **V. Ravi**, 42, dari Senai, dia bersama keluarganya tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan sendiri upacara itu di Dataran Bandaraya memandangkan terdapat paparan skrin besar disediakan di kawasan berkenaan.

"Kalau tengok televisyen di rumah tidak begitu seronok. Sebab itulah saya bawa keluarga ke dataran ini untuk bersama-sama memeriahkan upacara ini bersama rakyat Johor yang lain," katanya.

Seorang peniaga, **Muhammad Hafiz Haikal Hisham**, 25, yang merupakan orang kurang upaya



ORANG ramai menyaksikan perarakan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bersama Raja Zarith Sofiah selepas Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor di Jalan Skudai, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI



LEONG HENG CHOI



V. RAVI



MUHAMMAD HAFIZ
HAIKAL HISHAM

(OKU) sanggup datang ke Dataran Bandaraya bukan hanya untuk berniaga, tetapi pada masa sama menyaksikan siaran langsung berkenaan.

"Sebagai generasi muda, saya amat gembira kerana dapat menyaksikan peristiwa bersejarah itu, sekali gus meningkatkan jati diri sebagai anak Johor," ujarnya.



MUFTI Johor, Datuk Mohd. Tahrir Samsudin (tengah), Timbalan Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad dan Kadi Besar Johor, Mohd. Noh Kadri membawa masuk Mahkota Kerajaan dan Mahkota Permaisuri sebelum Istiadat Kemahkotaan di Bilik Singgahsana, Istana Besar, Johor Bahru, semalam. - IHSAN KERAJAAN NEGERI